

16 JUL 2001

Mahathir-Kemelesetan

M'SIA TIDAK AKAN ALAMI KEMELESETAN SEPERTI SINGAPURA, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 16 Julai (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menolak kemungkinan Malaysia akan mengalami kemelesetan seperti Singapura.

"Setakat ini, angka-angka tidak menunjukkan kita akan mengalami kemelesetan. Kita berbeza dari Singapura," katanya kepada pemberita selepas perasmian Forum Tenaga Elektrik Malaysia di sini hari ini.

Kelembapan ekonomi di negara utama dan serantau serta kejatuhan industri elektronik global menyeret turun Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) Singapura dalam suku kedua dengan penguncupan kira-kira 0.8 peratus berbanding tempoh yang sama tahun sebelumnya.

Dengan catatan suku kedua yang lebih buruk daripada yang dijangkakan, pertumbuhan negatif bagi dua tahun berturut-turut bermakna negara yang berasaskan eksport itu kini mengalami kemelesetan teknikal.

Dr Mahathir berkata berbanding Singapura yang bergantung kepada industri elektronik, ekonomi Malaysia yang lebih pelbagai, menjadikan negara mampu bertahan daripada kesan kegawatan dalam sektor elektronik.

"Kita tidak bergantung sepenuhnya kepada elektronik, kita mempunyai minyak sawit, perkhidmatan, syarikat pembuatan dan banyak perniagaan lain," katanya.

Malaysia mencatatkan pertumbuhan 3.2 peratus bagi suku pertama 2001.

Pada bulan lalu Dr Mahathir berkata KDNK bagi suku kedua dijangka tidak mencatatkan pertumbuhan yang baik dan berada pada paras yang sama dengan suku pertama sebelumnya.

Ketika menjawab satu soalan, Dr Mahathir yang juga Menteri Kewangan berkata Belanjawan 2002 tidak dijangka mengalami defisit yang besar.

"Kita memang mempunyai wang dan menjangkakan mengutip banyak hasil daripada cukai korporat dan cukai pendapatan. Walaupun kita mengurangkan duti import, kita masih mempunyai dana yang mencukupi," katanya.

Minggu lalu, Perdana Menteri berkata kerajaan mungkin akan cuba mengurangkan defisit belanjawan bagi mengawal kewangan kerajaan.

-- BERNAMA

MAD KTC ZK RON